

**SISTEM KUTIPAN ROYALTI PASIR DI SARAWAK : KAJIAN
KES DI BAHAGIAN SARIKEI**

OLEH :

ABU BAKAR YAMIN	96988651
MOHD. BAHARRUDDIN B. MOHAMAD	95859113

Kertas Projek Yang Dikemukakan Kepada Fakulti
Pentadbiran Dan Undang-Undang Universiti Teknologi Mara (UiTM)
Kampus Samarahan Untuk Memenuhi Sebahagian Syarat Untuk
Memperolehi Diploma Pentadbiran Awam

MAC 2000

KANDUNGAN

Muka Surat

PENGHARGAAN

i

ISI KANDUNGAN

ii-iv

Bab 1

PENGENALAN

(1.1) Latarbelakang Kajian	1-2
(1.2) Penyata Masalah	2-3
(1.3) Matlamat Penyelidikan	3-4
(1.4) Skop Penyelidikan	4-5
(1.5) Hipotesis	5-6
(1.6) Kepentingan Kajian	6
(1.7) Tinjauan Literature	7-9
(1.8) Kaedah Penyelidikan (Metodologi)	9-10
(1.9) Batasan Penyelidikan	11

Bab 2

Permerhatian Ke Atas Kelemahan Sistem Royalti Yang Ada Sekarang

(2.1) Pengenalan	12
(2.2) Tiada apa-apa Royalti yang dibayar bagi pasir yang digunakan untuk Projek Jalan raya Matu-Igan	12-13

BAB 1

PENGENALAN

(1.1) Latarbelakang Kajian

Pasir merupakan satu bahan yang penting bagi kegunaan untuk menebusguna tanah terutamanya pasir air masin. Bagi pasir air tawar pula, ianya adalah amat penting untuk dijadikan bahan binaan untuk bangunan, jambatan dan sebagainya.

Di Bahagian Sarikei, keseluruhan pasirnya adalah pasir air masin dan cuma sesuai untuk menebusguna tapak sesuatu projek. Dan pasir air masin ini lebih kerap dan popular digunakan oleh para kontraktor untuk tujuan menebusguna tapak projek jika dibandingkan dengan penggunaan tanah bukit.

Mengikut anggaran Jabatan Audit, dari tahun 1992 hingga tahun 1995 adalah dianggarkan sejumlah tidak kurang dari 5 juta metrik tan pasir telah diekstrak untuk menebusguna tapak pelbagai projek di Bahagian ini. Jumlah ini tidak termasuk jumlah pasir yang digunakan oleh pihak STIDC untuk menebusguna tapak pemprosesan kayu balak di Tanjung Manis. Menurut kajian Jabatan Audit juga adalah dianggarkan sejumlah 5.6 juta tan metrik pasir diperlukan untuk menebusguna tapak projek Rimbunan Hijau Sdn. Bhd. juga di Tanjung Manis. Dari jumlah berkenaan adalah dianggarkan berjuta-juta ringgit wang royalti pasir sepatutnya dikutip oleh Jabatan Tanah dan Survei Sarikei. Oleh itu, penyelidik-penyelidik akan menampilkan usaha-usaha untuk mengkaji masalah ini berdasarkan tinjauan kes di Bahagian Sarikei.

BAB 2

Permerhatian Ke atas Kelemahan Sistem Royalti Yang Ada Sekarang

(2.1) Pengenalan

Maklumat yang diperolehi dari Pejabat Tanah dan Survei di Bahagian Sarikei menunjukkan bahawa banyak projek pembinaan jalan raya, bangunan dan sebagainya dijalankan di Bahagian Sarikei kebelakangan ini. Projek-projek pembangunan ini memerlukan banyak penimbusan pasir. Adalah dianggarkan sebanyak 2,889,175 meter padu (m^3) pasir diperlukan bagi 12 projek yang telah/sedang dijalankan sejak tahun 1993 tidak termasuk penggunaan pasir yang telah diambil oleh Syarikat Green Hill untuk projeknya di Tanjong Manis. Anggaran jumlah nilai royalti yang dikenakan ialah RM5,103,538. Namun demikian, Jabatan Tanah dan Survei, Bahagian Sarikei hanya berjaya mengutip (daripada pemegang-pemegang lesen selain daripada Syarikat Green Hill dalam tempoh tahun 1993 hingga 2 November 1995) royalti pasir sebanyak RM107,322 iaitu hanya 2% daripada anggaran royalti yang dikira walaupun hampir semua projek telah siap ditimbul dengan pasir.

Perbezaan yang ketara tersebut, antara lainnya adalah disebabkan oleh faktor-faktor dan kelemahan-kelemahan seperti berikut:-

(2.2) Tiada Apa-apa Royalti Dibayar Bagi Pasir Yang Digunakan Untuk Projek Jalan Raya Matu Igan

Mengikut rekod di JKR Bahagian Sarikei, 93% daripada kerja-kerja menimbus pasir untuk projek Jalan Raya Matu-Igan telah disiapkan pada 30.9.96. Akan tetapi didapati tiada apa-apa royalti dikutip setakat tarikh 6.11.96.

BAB 3

Peranan Unit Penguatkuasa Jabatan Tanah dan Survei Dalam Menangani Masalah Ini.

(3.1) Pengenalan Ringkas Unit Penguatkuasa

Semua Anggota Unit Penguatkuasa sebagai kakitangan Kerajaan adalah tertakluk di bawah arahan “The State Public Service General Order 1996” dari segi perlaksanaan tugas, peraturan, disiplin dan lain-lain pentadbiran.

Unit Penguatkuasa adalah satu unit yang telah ditubuhkan oleh Jabatan Tanah dan Survei bertujuan untuk menguatkuasa undang-undang di bawah Kanun Tanah Negeri seperti mencegah dan meroboh rumah-rumah setinggan yang menduduki Tanah Kerajaan, mengambil tanah dan pasir tanpa lesen dan lain-lain aktiviti yang bertentangan dengan undang-undang yang ada berkaitan dengan Jabatan Tanah dan Survei.

(3.2) Mencegah Pengambilan Pasir Tanpa Lesen

Diantara tugas-tugas yang dijalankan oleh Unit Penguatkuasa adalah seperti berikut:-

- (i) Mengemaskini rekod lesen pasir yang telah dikeluarkan oleh Pejabat dan menyediakan pelan menunjuk lokaliti lesen-lesen tersebut.